

MAKLUMBALAS SESI SOAL JAWAB TOWNHALL KALI KE-2  
PADA 5 DISEMBER 2016

BIL.	PERKARA DIBANGKITKAN	MAKLUMBALAS JABATAN/ BAHAGIAN
1.	<p><b>Teoh Eng Sin</b> <b><u>Zon 11</u></b></p> <p>Beliau memaklumkan isu aduan seperti sampah, longkang dapat diselesaikan dengan agak cepat tetapi tindakan bagi jalan rosak agak lambat sama ada untuk turapan ataupun pembaikan.</p>	<p><b>Ulasan Datuk Bandar</b> : Beliau memaklumkan semua permohonan untuk pembaikan atau projek menaiktaraf telah dimasukkan ke dalam peruntukan MARRIS dan diharapkan semua aduan menyatakan lokasi yang khusus tepat untuk pelaksanaan pembaikan.</p>
2.	<p>Beliau turut memaklumkan terdapat operasi 'parking haram' selepas jam 5 petang. Ramai pengutip haram mengenakan caj 'parking' kepada pengguna-pengguna yang sepatutnya percuma. Setakat ini masih tiada tindakan dari pihak Majlis. Beliau mohon agar tindakan dibuat kerana</p> <p style="text-align: right;"><i>Tindakan: Jabatan Kejuruteraan / Bhg. Pengurusan Harta</i></p>	<p>Dimaklumkan bahawa Unit Tempat Letak telah menempatkan kakitangan Penguatkuasaan TLK di semua tempat seperti di Belakang Aman Central, Star Parade dan Jalan Putra selepas jam 5.00 petang untuk tindakan sehingga jam 7.00 malam (warta MBAS untuk kutipan tempat letak kereta sehingga jam 7.00 malam)</p>
4.	<p><b>Mohd Zaid bin Syarif</b> <b><u>Peniaga Pasar Besar Alor Setar (Pengawas Pasar MBAS)</u></b></p> <p>Beliau mohon pihak MBAS meneliti semula aspek keselamatan peniaga yang telah diletakkan di tapak tempat letak kenderaan di mana keadaan lalulintas menjadi agak sesak dan terlalu padat pada hari hujung minggu lebih-lebih lagi kepada pengunjung yang mencari tempat letak kenderaan.</p>	<p><b>Ulasan Datuk Bandar</b> : Beliau mohon lokasi 'parking haram' untuk dibuat pemantauan</p>
5.	<p>Beliau memaklumkan terjadinya pergaduhan kerana gerai buah berhampiran dengan tempat letak kenderaan dan laluan menjadi sempit. Beliau mohon agar pihak penguatkuasa MBAS dapat membuat pemantauan serta membuat kawalan lalulintas.</p> <p style="text-align: right;"><i>Tindakan: Bhg. Penguatkuasaan &amp; Keselamatan Bhg. Pengurusan Pasar &amp; Penjaja</i></p>	<p><b>Ulasan Datuk Bandar</b> : Beliau memaklumkan pihak MBAS akan menyediakan satu surau kontena yang mana mungkin boleh membuat kedai/gerai di situ disamping dapat memanfaatkan peniaga serta orang awam</p>

BIL.	PERKARA DIBANGKITKAN	MAKLUMBALAS JABATAN/ BAHAGIAN
6.	<p>Ketiadaan van bergerak untuk kutipan hasil daripada peniaga-peniaga memberikan masalah kepada peniaga. Mohon letakkan semula van bergerak kutipan hasil di hadapan Pasar Besar untuk memudahkan peniaga membuat pembayaran.</p> <p style="text-align: right;"><i>Tindakan: Bhg. Hasil</i></p>	<p>Van bergerak MBAS telah beroperasi mulai 20 Januari 2017 dan jadual kutipan ada dipaparkan di dalam Laman Web MBAS, Facebook MBAS dan dihebahkan melalui Banner di kawasan-kawasan yang ditetapkan termasuk Pasar Besar</p>
7.	<p>Beliau memaklumkan rungutan berkenaan air dan elektrik sudah berkurangan dan telah mendapat kerjasama dari pihak SADA. Beliau akan menyerahkan beberapa cadangan daripada peniaga untuk dibincangkan bersama.</p> <p style="text-align: right;"><i>Tindakan: Bhg. Mekanikal &amp; Elektrikal</i></p>	<p>Perkara dibangkitkan diambil maklum oleh pihak MBAS</p>
3.	<p><b><u>Encik Borhanudin bin Mohd Ali</u></b> <b><u>Penjaja Melayu Kuala Kedah</u></b></p> <p>Beliau memberikan cadangan supaya wujudkan Bahagian Usahawan seperti KEDA untuk memberikan panduan kepada penjaja di tepi jalan dalam mengembangkan perniagaan serta menaikkan taraf penjaja untuk dijadikan contoh kepada peniaga yang lain.</p> <p style="text-align: right;"><i>Tindakan: Bhg. Pasar &amp; Penjaja</i></p>	<p><b>Ulasan Datuk Bandar</b> : Beliau mengucapkan terima kasih kepada peniaga yang telah membantu pihak MBAS serta syor untuk mewujudkan satu Unit Pembangunan Usahawan akan diambil tindakan.</p>
4.	<p>Beliau mohon pihak MBAS melangkah dengan memulakan satu perkhidmatan yang baharu.</p>	<p>Perkara dibangkitkan diambil maklum oleh pihak MBAS</p>
2.	<p><b><u>Encik Mohd Ismail bin Osman</u></b> <b><u>Pasar Teluk Wan Jah</u></b></p> <p>Beliau memaklumkan pasar tersebut mengalami masalah kekurangan tempat letak kenderaan. Beliau mencadangkan pihak MBAS mengubah petak tempat letak kenderaan bagi peniaga ke belakang pasar atau tepi pasar supaya orang ramai dapat meletakkan kenderaan.</p> <p style="text-align: right;"><i>Tindakan: Bhg. Pengurusan Harta</i></p>	<p><b>Ulasan Datuk Bandar</b> : Beliau memaklumkan isu laluan kenderaan Pasar Teluk Wanjah akan dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kecil Lalulintas</p>

BIL.	PERKARA DIBANGKITKAN	MAKLUMBALAS JABATAN/ BAHAGIAN
3.	Beliau mencadangkan premis perniagaan di hadapan pasar menghentikan operasi perniagaan iaitu sayur-sayuran, bawang dan sebagainya.	<b>Ulasan Datuk Bandar</b> : Status bagi peniaga di luar premis Pasar Teluk Wan Jah akan dikaji dengan lebih teliti.
4.	Beliau turut mencadangkan sewa bulanan dapat dikurangkan dan mohon perkara ini dipertimbangkan. <i>Tindakan: Bhg. Pengurusan Pasar &amp; Penjaja</i>	<b>Ulasan Datuk Bandar</b> : Sewaan bulanan yang dikenakan kepada peniaga pasar akan disemak semula.
1.	<p><b>Puan Siti Hajar</b> <b><u>Pengerusi JPP Zon 5</u></b></p> <p>Beliau memaklumkan pasar di Bukit Pinang telah terlalu lama dan beliau mohon pihak MBAS menaiktaraf pasar tersebut.</p>	Lawatan oleh pihak pengurusan MBAS sentiasa dibuat dari semasa ke semasa
2.	<p>Beliau juga mohon pihak MBAS dapat membuat lawatan untuk melihat keadaan pasar yang tidak terurus di mana peniaga-peniaga ramai yang berniaga di tepi jalan dan membuatkan jalan sesak.</p> <p><i>Tindakan:</i> i. Jabatan Kejuruteraan ii. Bhg. Penguatkuasaan &amp; Keselamatan iii. Bhg. Pengurusan Pasar &amp; Penjaja</p>	<b>Ulasan Datuk Bandar</b> : Beliau memaklumkan keadaan peniaga di pasar Bukit Pinang adalah disebabkan sebahagiannya merupakan perniagaan persendirian, jadi tindakan yang perlu diambil hanya dari segi susun atur. Walaubagaimanapun, pemantauan akan dilakukan. Beliau mengarahkan supaya Jabatan Kejuruteraan membuat anggaran peruntukan bagi Pasar Bukit Pinang.

BIL.	PERKARA DIBANGKITKAN	MAKLUMBALAS JABATAN/ BAHAGIAN
1.	<p><b>Encik Hamdan bin Abu</b> <b><u>Medan Selera Pasar Besar Alor Setar</u></b></p> <p>Beliau mohon supaya Medan Selera Pasar Besar Alor Setar dinaik taraf terutama dari segi pendawaian elektrik yang sedia ada.</p>	<p><b>Bil 1 &amp; 3</b> <b>Ulasan Datuk Bandar</b> : Berterima kasih di atas cadangan penambahbaikan untuk Pasar Besar Alor Setar. Kadangkala terjadinya pindaan sendiri dan dalam pendawaian elektrik . Jika ada peruntukan maka akan ada projek naiktaraf bagi menyelesaikan isu air dan elektrik.</p>
2.	<p>Papan tanda premis tidak seragam di Medan Selera.</p>	<p>Unit Sewaan telah menetapkan saiz seragam megikut Medan Selera. Walaubagaimanapun terdapat penyewa yang melanggar syarat dan arahan untuk menurunkan papan tanda tersebut telah dibangkitkan.</p>
3.	<p>Beliau mohon supaya letakkan 1 premis 1 meter elektrik</p>	<p>Jawapan seperti bil.1</p>
4.	<p>Beliau mencadangkan supaya stor dinaik taraf kepada 'stainless steel' stor agar nampak lebih kemas.</p>	<p><b>Ulasan Datuk Bandar</b> : Cadangan mengenai setor 'stainless steel' akan dilaksanakan sekiranya ada peruntukan dari pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan</p>
5.	<p>Beliau mohon sediakan sinki basuh tangan di Medan Selera tersebut.</p>	<p><b>Ulasan Datuk Bandar</b> : Jabatan Kejuruteraan diminta melakukan pemantauan dan menyediakan sinki bagi setiap kedai di Medan Selera Pasar Besar Alor Setar</p>
6.	<p>Beliau memaklumkan ada peniaga yang tidak berkesempatan untuk menjelaskan bayaran hasil di MBAS.</p> <p style="text-align: right;"><i>Tindakan: Bhg. Hasil</i></p>	<p><b>Ulasan Datuk Bandar</b> : Bahagian Hasil dikehendaki menetapkan satu hari yang sesuai untuk kutipan hasil dan hasil yang dikutip adalah digunakan yang untuk pembaikan.</p>

BIL.	PERKARA DIBANGKITKAN	MAKLUMBALAS JABATAN/ BAHAGIAN
	<p><b>Encik Azhar bin Ahmad</b> <b><u>Medan Selera Simpang Kuala</u></b></p> <p>1. Beliau memaklumkan banyak lampu yang telah rosak dan tidak dibaiki.</p> <p>2. Jalan-jalan berlubang dan masih tidak ada pembaikan dilakukan.</p> <p>3. Tandas tidak berfungsi, lampu tandas juga tidak menyala. <i>Tindakan: Bahagian Mekanikal &amp; Elektrikal</i></p> <p>4. Beliau memaklumkan ada orang Pattani yang berniaga di Medan Selera dan adakah ia melanggar syarat lesen perniagaan MBAS. Mohon pemantauan dilakukan. <i>Tindakan: i) Jabatan Kesihatan Persekitaran ii) Jabatan Kejuruteraan</i></p>	<p><b>Ulasan Datuk Bandar</b> : Peruntukan telah diluluskan sebanyak RM 20,000 untuk baiki jalan di Simpang Kuala. Namun begitu, pemantauan akan dilakukan.</p> <p><b>Ulasan Datuk Bandar</b> : Bagi masalah tandas Jabatan Kejuruteraan diarahkan mengambil tindakan</p> <p>Unit Sewaan telah menjalankan operasi bersepadu bersama-sama Bahagian Pengurusan Pasar dan Penjaja serta Bahagian Penguatkuasaan pada 7/12/2016 jam 9.00 malam. Operasi ini bertujuan mengenalpasti kesalahan-kesalahan penyewa seperti menyewa kepada pihak ietiga, tidak mempamerkan lesen, pemilik lesen tidak berada di premis dan lain-lain. Bagi penyewa yang menyewa kepada pihak ketiga seperti Pattani telah diambil tindakan dengan membatalkan penyewaan mereka.</p>
	<p><b><u>Haji Mohd Tajudin</u></b> <b><u>Shahab Perdana</u></b></p> <p>1. Beliau memaklumkan ruang kecil di bawah tangga belakang Marrybrown telah disalah gunakan sebagai tempat untuk membuang air kecil. Mohon pemantauan dilakukan. <i>Tindakan: Bhg. Penguatkuasaan</i></p> <p>2. Lampu di Stesen Bas Shahab Perdana banyak yang tidak berfungsi. <i>Tindakan: Bahagian Mekanikal &amp; Elektrikal</i></p>	<p>Masalah ini berlaku disebabkan sikap orang ramai yang kurang kesedaran sivik. Pemantauan akan dilakukan dan tindakan seterusnya oleh Bahagian Penguatkuasaan.</p>

BIL.	PERKARA DIBANGKITKAN	MAKLUMBALAS JABATAN/ BAHAGIAN
1.	<p><b>Puan Nor Laila</b> <b><u>Peniaga Pasar Hari Kaki Lima Pasar Besar Billion</u></b></p> <p>Beliau memaklumkan ada peniaga Pasar Besar yang sepatutnya beroperasi pada waktu pagi tetapi peniaga tersebut masih beroperasi sehingga jam 12 tengahari.</p> <p>Peniaga terpaksa berpindah ke lokasi yang lain semasa penambahbaikan di tapak pasar pagi dibuat. Beliau mohon agar kebajikan peniaga tersebut terjaga dari segi keselamatan dan sebagainya. Beliau mencadangkan agar pihak MBAS dapat menyediakan khemah bagi peniaga yang dipindahkan ke tapak tempat letak kenderaan supaya orang ramai tidak meletakkan kenderaan di situ.</p> <p>Beliau mohon penguatkuasa dapat memantau kawasan peniaga atau lakukan sesuatu supaya tiada orang awam meletakkan kenderaan di kawasan tersebut.</p> <p style="text-align: center;"><i>Tindakan:     i) Jabatan Kesihatan Persekitaran                   ii) Bhg. Penguatkuasaan</i></p>	<p><b>Ulasan Datuk Bandar :</b> Beliau memohon maaf atas apa yang berlaku kepada peniaga di Pasar Besar Alor Setar yang mana mungkin berpunca dari notis pendek yang dikeluarkan oleh pihak MBAS. Beliau mengarahkan supaya pihak penguatkuasa Majlis menyusun semula lokasi peniaga dengan kadar segera</p>
1.	<p><b>Encik Khor</b> <b><u>Pasar Teluk Wan Jah</u></b></p> <p>Beliau memaklumkan di tingkat atas pasar hanya terdapat tiga orang peniaga sahaja. Beliau berharap agar tingkat atas dipenuhi dengan peniaga.</p>	<p>Bermula pada asalnya terdapat 29 orang penyewa yang menyewa gerai. Penyewa yang aktif sekarang hanya tinggal 5 orang. Kebanyakan penyewa tidak berminat berniaga lagi atas alasan tiada pelanggan yang mengunjungi gerai mereka. Dari aduan mereka menyatakan bahawa orang ramai tidak berminat mengunjungi medan selera di tingkat atas disebabkan keadaan tangga yang agak tinggi.</p>
2.	<p>Beliau juga mohon supaya masa operasi perniagaan dilanjutkan.</p>	<p><b>Ulasan Datuk Bandar :</b> Pihak MBAS akan mempertimbangkan mengenai operasi perniagaan di tingkat atas Pasar Teluk Wanjah dan akan mengambil tindakan sewajarnya dalam menyelesaikan masalah tempat letak kenderaan di kawasan tersebut.</p>

BIL.	PERKARA DIBANGKITKAN	MAKLUMBALAS JABATAN/ BAHAGIAN
3.	<p>Tempat meletakkan kenderaan juga tidak mencukupi di mana orang ramai dikehendaki membayar RM2 untuk meletakkan kenderaan mereka. Oleh itu, beliau mencadangkan supaya tempat letak kenderaan dibuat di belakang bangunan pasar.</p> <p style="text-align: right;"><i>Tindakan:</i>    <i>i. Bhg. Pengurusan Pasar &amp; Penjaja</i>  <i>ii. Bhg. Pelesenan</i>  <i>iii. Bhg. Pengurusan Harta</i></p>	<p>Tempat Letak Kereta Market Cowboy diselenggara oleh Syarikat Waja Global Construction Sdn. Bhd untuk menjalankan operasi kutipan per-entry RM 1.00 di sekeliling bangunan Seri Temin yang mempunyai tempat letak kereta sebanyak 150 petak. Tiada sebarang kutipan tempat letak kereta secara haram di kawasan ini kerana mempunyai lesen/permit yang sah dari Majlis.</p>
1.	<p><b>Puan Yeoh</b>  <b><u>Pasar Besar Alor Setar (Billion)</u></b></p> <p>Beliau memaklumkan kedai sembelihan ayam berbau busuk.</p> <p>2. Longkang tiada penutup telah menyebabkan ada orang jatuh ke dalam longkang.</p> <p>3. Bumbung telah rosak dan perlukan pembaikan.</p> <p>4. Lesen penjaja telah disewakan kepada pihak ketiga dan mohon MBAS ambil tindakan.</p> <p style="text-align: right;"><i>Tindakan:</i>    <i>i. Bhg. Pengurusan Pasar &amp; Penjaja</i>  <i>ii. Bhg. Pelesenan</i>  <i>iii) Bhg. Penguatkuasaan</i></p>	<p><b>Ulasan Datuk Bandar :</b> Jabatan Kesihatan Persekitaran perlu mengambil tindakan segera</p> <p><b>Bil. 2&amp; 3</b>  <b>Ulasan Datuk Bandar :</b> Jabatan Kejuruteraan diarahakan supaya penutup longkang dipasang dan bumbung yang bocor perlu di baiki</p>

BIL.	PERKARA DIBANGKITKAN	MAKLUMBALAS JABATAN/ BAHAGIAN
1.	<p><b>Puan Romlah bt Hashim</b> <b><u>Pasar Besar Alor Setar (Billion)</u></b></p> <p>Beliau menjelaskan syarat-syarat lesen tidak dipatuhi oleh peniaga di medan selera di mana peniaga menjalankan perniagaan bercampur dan tidak lagi menjual hanya satu jenis makanan sahaja.</p> <p>Beliau turut memaklumkan ada peniaga turut menyewa kedai kepada pihak ketiga.</p> <p>Sikap peniaga yang meletakkan kuih-muih di atas meja telah menyebabkan pelanggan tiada tempat duduk.</p> <p style="text-align: center;"><i>Tindakan:    i. Bhg. Pengurusan Pasar &amp; Penjaja                   ii. Bhg. Pelesenan</i></p>	<p>Unit Sewaan akan menyiasat dan mematau sekiranya ada aduan mengenai pelanggaran syarat jualan dan tindakan seterusnya oleh Bahagian Pengurusan Pasar dan Penjaja.</p> <p>Unit Sewaan akan mengambil tindakan pembatalan sekiranya ada aduan peniaga menyewa kepada pihak ketiga dan mempunyai bukti kukuh seperti resit pembayaran sewa, perjanjian sewa, pengangkuan penyewa dan lain-lain</p> <p>Notis amaran akan dikeluarkan kepada peniaga yang meletakkan kuih-muih di atas meja</p>
1.	<p><b>Encik Mohd Muhyidin</b> <b><u>Amanah Ikhtiar Malaysia</u></b></p> <p>Beliau ingin kesahihan mengenai maklumat yang mengatakan beberapa agensi kerajaan di tingkat 4 UTC akan berpindah pada tahun 2017 disebabkan bayaran sewa yang akan dikenakan.</p> <p style="text-align: center;"><i>Tindakan:    Bhg. Pengurusan Harta</i></p>	<p>Terdapat tiga agensi yang telah menamatkan operasi di UTC iaitu Perkeso, Suruhanjaya Malaysia (SSM) dan lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA). Wlaubagaimanapun, kekosongan lot-lot berkenaan bakal diisi dengan kadar segera kerana permintaan untuk menyewa di Bangunan UTC adlah sangat memuaskan. Kadar bayaran sewa yang dikenakan terhadap agensi-agensi adalah yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Kewangan Malaysia.</p>